

01 DEC 1996

Mahathir-Automobil

LANGKAH MALAYSIA CEBURI INDUSTRI AUTOMOBIL BERHASIL

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Kejayaan Malaysia mengeluarkan jurutera automobil yang mampu mereka-bentuk dan membina kereta sendiri membuktikan bahawa negara telah membuat keputusan bijak dengan menceburi industri automobil, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata jika Malaysia sekadar terus memasang kereta asing dan mengeksportnya, ia tidak akan mempunyai jurutera yang mahir dengan keupayaan seperti itu.

"Apabila kita membuat keputusan untuk membina kereta nasional kita, ramai yang menganggap kita bodoh. Sekarangpun ada yang berpendapat kita tersilap langkah...dan (kita sepatutnya) hanya perlu memasang kereta asing dan mengeksportnya," kata beliau semasa merasmikan Pameran Motor Antarabangsa Langkawi '96 (LIMOS '96) Kedua di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Dr Mahathir berkata walaupun negara akan terus mendapat keuntungan dengan memasang kereta asing dan mengeksportnya tetapi tenaga kerjanya akan tetap tinggal sebagai buruh mahir dan bukan jurutera automotif yang berupaya mereka-bentuk dan membina kereta milik Malaysia sepenuhnya.

"Kita mungkin tidak banyak untung dengan kaedah ini tetapi kita telah mengumpulkan wang yang cukup untuk membeli syarikat kejuruteraan automotif seperti Lotus Cars di United Kingdom yang hasil keluarannya dipamerkan dalam pameran ini."

Perdana Menteri berkata pembelian itu (pembelian saham majoriti Lotus Cars oleh DRB-Hicom) akan membolehkan rakyat Malaysia mendalami kejuruteraan automotif.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia tidak jemu untuk belajar.

"Kejuruteraan bukan sains statik. Ia terus maju dan kita mahu maju bersamanya."

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata Malaysia tidak memerlukan nasihat daripada "penasihat yang hanya tahu menasihat saja".

Beliau berkata rakyat Malaysia kini lebih berminat dengan automobil sejak negara mula mengeluarkannya dan LIMOS '96 ia bukti mengenai tahap minat mereka itu.

Sekitar 200 kenderaan, termasuk model terbaru Cadillac, Lotus Elise dan Esprit, Rover dan Mercedes Benz dipamerkan pada LIMOS '96 yang akan berakhir 8 Dis ini.

Delfino IQ 140, kereta pertama yang direkabentuk di Malaysia turut dipamerkan.-- BERNAMA

MFJ PR MAI